

|            |                              |             |                     |
|------------|------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | Pengorbanan besar mama, papa |             |                     |
| MediaTitle | Sinar Harian                 |             |                     |
| Date       | 26 Jul 2016                  | Color       | Full Color          |
| Section    | Supplement                   | Circulation | 279,000             |
| Page No    | 2                            | Readership  | 837,000             |
| Language   | Malay                        | ArticleSize | 690 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A                          | AdValue     | RM 11,770           |
| Frequency  | Daily                        | PR Value    | RM 35,310           |



# 'Pengorbanan besar mama, papa'

Anak-anak Norlina Alawi bersyukur dijaga penuh kasih sayang



Nurjannah (kiri) mewakili KBNAB menerima sumbangan.

Tibanya hari raya ibarat lubuk rezeki bagi anak yatim dan mereka yang kurang berkemampuan. Pada masa itu, pelbagai agensi mahupun individu berlumba-lumba memberi sumbangan bagi memastikan golongan itu tidak berduka ketika orang sekeliling bersuka ria menyambut hari raya.

Begitulah juga dengan 40 kanak-kanak Keluarga Besar Norlina Alawi Berhad (KBNAB) yang dirai penuh keriangian pada majlis sambutan hari raya di Putrajaya Marriott Hotel, Sepang.

Majlis berkonsepkan Seloka Hari Raya Era 60-an turut dibarakan dengan kerjasama Kumpulan Media Karangkrif, Palm Garden Hotel IOI Resort City dan Gana Creations.

Nurjannah Musdar, 22, bersyukur dan gembira melihat anak-anak Norlina Alawi gembira dan berharap pihak penganjur tidak serik untuk menjemput mereka lagi.

"Saya juga merupakan seorang daripada anak-anak yang membesar di bawah KBNAB. Saya harap hubungan baik dengan pihak penganjur akan berkekalan," katanya.

Menurut beliau, KBNAB ditubuhkan pada Mac 2011 dan diasaskan Norlina Alawi bagi tujuan menukar persepsi masyarakat mengenai anak-anak angkatnya. Ia juga diperkenalkan untuk berkongsi kasih dengan anak-anak penghidap dan pembawa HIV/Aids di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

KBNAB mempunyai rumah di Cheras Baru dan Lembah Jaya, Ampang di Kuala Lumpur dan menerima sumbangan daripada pihak tertentu secara berkala.

Namun bagi menampung perbelanjaan yang kian meningkat katanya, Norlina yang dipanggil Mama Norlina dan suaminya, Papa Roslan



Zakaria menceburi bidang penternakan pada Disember tahun lalu.

"Mama Norlina dan Papa Roslan membuka ladang ternak termasuk kambing dan lembu di Kampung Buai, Bera, Pahang. Projek itu sebagai perancangan masa depan anak-anak KBNAB kerana tak semua antara kami bernasib baik dalam pendidikan. Ini secara langsung membuka peluang pekerjaan yang besar apabila anak-anak KBNAB tamat belajar kelak.

### Konsep mentor-mentee

Setakat hari ini, seramai 38 anak-anak yang ada di bawah KBNAB dan sebelum ini mereka mempunyai enam kanak-kanak yang mengidap HIV/Aids, namun tiga daripadanya telah meninggal dunia.

"Kini saya bertanggungjawab sepenuhnya menguruskan rawatan tiga pesakit itu di Hospital Sungai Buloh. Seorang daripadanya ialah adik bongsu saya sendiri. Alhamdulillah kesihatan mereka masih stabil," katanya.

Ber cerita mengenai kehidupannya sejak berumur 15 tahun di rumah itu, Nurjannah turut menzahirkan rasa

gembira tidak terhingga kerana dapat merasai kasih sayang yang tak berbelah bahagi daripada mama dan papa.

"Saya bersyukur sekarang ini walaupun dah berumah tangga, saya masih lagi boleh bersama membantu mama untuk KBNAB. Mama juga mahu anak-anak ini berasa diri mereka dihargai dan disayangi sama seperti keluarga lain.

tentera telah memerah keringat menguruskan ladang. Semuanya adalah pengorbanan yang besar dilakukan mereka berdua untuk membesarkan anak-anak KBNAB," katanya.

### Seloka raya era 60-an

Pihak penganjur turut meraikan 54 ibu tunggal dan anak mereka dari Pertubuhan Ibu Tunggal Kebangsaan dan 29 anak daripada keluarga kurang berkemampuan dari Rumah Keluarga Kami, Kajang.

Seramai 400 tetamu hadir, termasuk Pengarah Urusan Kumpulan Media Karangkrif, Datuk Hussamuddin Yaacob, Pengurus Operasi Econsave, Lim Yoke Foong serta Pengurus Cawangan Econsave Alam Jaya dan Puncak Alam, Ahmad Subti Ashari.

Pengurus Besar Marriott Putrajaya Hotel, Simon Yong berkata, pihaknya gembira dengan kehadiran tetamu dan program tersebut adalah visi mereka untuk memberi sumbangan kepada mereka yang memerlukan.

Hussamuddin memuji majlis berkecemasan bersungguh-sungguh memberi layanan VIP kepada anak yatim dan ibu tunggal yang hadir.

"Mereka VIP yang kami rai, tiada orang politik, tetamu khas mahupun golongan korporat," katanya.

Turut menghiburkan tetamu pada majlis berkenaan ialah penyanyi Noraniza Idris dan artis di bawah syarikatnya, Noraniza Idris Production Ventures Sdn Bhd yang sudi membuat persembahan amal, tanpa mengenakan sebarang bayaran.



"Dari segi pengurusan anak-anak, semua diuruskan mama sendiri. Mama perlu bekerja untuk menampung keperluan kami. Kami bukan sepenuhnya mendapat sumbangan dari luar. Ia hanya datang secara berkala dan mama perlu lakukan sesuatu untuk terus menampung kehidupan kami," katanya.

Menurutnya, dahulu Mama Norlina ambil pekerja untuk jaga mereka tetapi kini mereka mengamalkan konsep mentor-mentee yang mana lebih dewasa akan menjaga adik-adik.

Nurjannah berkata, bagi menampung perbelanjaan mereka pelbagai bidang kerja yang Mama Norlina ceburi antaranya dengan berniaga dan sebagai penceramah. "Papa Roslan yang juga pesara